

"Hormatilah ayah dan ibumu" ...Di mana perintah ini diterima dan diperhatikan dengan teliti, terdapat sedikit bahaya yang orang tua akan dianggap sebagai beban yang sia-sia dan menyusahkan.

Paus Yohanes Paulus II



Ayat Suci Minggu ini:

Amos 7: 12-15
Mazmur 84: 9-14
Efesus 1: 3-14 or 1: 3-10
Markus 6: 7-13

EDARAN DALAMAN SAHAJA
BUL 28/2024

Amos telah menubuatkan pemusnahan bait dan tempat kudus di Kerajaan Utara Israel dan pemusnahan keturunan Raja Yerobeam kerana mereka mengamalkan penyembahan berhala. Maka Amazia, imam Kuil Betel, menyuruh dia kembali ke Yehuda dari mana dia berasal dan bernubuat di sana. Para nabi pada umumnya bukanlah orang yang paling popular, tetapi mereka adalah orang yang terpilih. Amos kemudian memberitahu Amaziah bahawa apa yang dia lakukan bukanlah pilihannya tetapi dipilih untuk melakukan kehendak Allah untuk bernubuat kepada orang Israel.

Dalam bacaan kedua, kita diingatkan bahawa sebelum dunia dicipta, **Allah telah memilih dan memberkati kita kerana itulah yang dikehendakiNya.** Adalah dalam rancangan penyelamatanNya bagi kita untuk menjadi kudus dan tidak bercacat dan hidup melalui kasih dalam Kristus. Dia akan menyatukan segala sesuatu di surga dan di bumi dengan Kristus sebagai ketua. Itulah warisan kita yang membebaskan kita untuk memuliakan Dia dalam hidup kita.

Apa yang kita panggil diri kita, seorang rasul atau seorang murid? Seorang rasul adalah seorang yang diutus dalam misi. Murid adalah pelajar. Kita adalah keduanya sekali. Injil memberitahu kita bahawa Yesus memilih dua belas rasul dari kalangan murid-muridNya yang telah mengikuti Dia sepanjang masa pelayanannya. Mereka diutus untuk menyebarkan Khabar Gembira dan diberi kuasa untuk mengusir setan dan menyembuhkan orang sakit, itulah yang mereka lakukan. Yesus menyuruh mereka tidak membawa apa-apa. Kenapa? Mungkinkah mereka harus bergantung semata-mata pada anugerah Allah untuk menyediakan keperluan mereka atau mereka harus meninggalkan semua beban atau ketakutan mereka dan pergi begitu saja, percaya kepada Tuhan?

Jika mereka menemui penolakan, mereka diberitahu untuk melepaskan sahaja dan meneruskan misi mereka. Tuhan Yesus yang terkasih, terima kasih kerana memilih kami. Bantulah kami untuk memiliki iman para rasul dan untuk maju dengan mesej kasihMu untuk semua orang. ✝

Published by: Archdiocesan Pastoral Institute (API) | Email: api@archkl.org

NEW WAY OF BEING CHURCH

14 Julai 2024
Hari Minggu Biasa Ke-15

newbec

G A R A M D A N T E R A N G D U N I A :
MERAYAKAN, MENDENGAR DAN BERJALAN BERSAMA DALAM SEMANGAT PERSEKUTUAN, PENYERTAAN DAN MISI (MATIUS 5:13-16).

FOKUS BULANAN

PENJAGAAN PASTORAL UNTUK WARGA TUA DAN YANG SAKIT

Dipilih dan Diberkati untuk Misi

Kita semua dipanggil untuk misi menurut kehendak Allah. Kita dipilih, ditebus dan dimeteraikan dengan Roh Kudus dan diutus untuk membawa mesej kasih yang telah ditakdirkan Allah untuk semua manusia.

